



**LAPORAN
JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN
TAHUN 2019 / 2020**

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2019

PENDAHULUAN

1. Laporan Tahunan ini disediakan bagi memenuhi peraturan 14(1)(b) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

2. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dilantik mengikut Seksyen 42A (1) Akta Koperasi 1993 (Akta 502) untuk tempoh satu tahun bagi mematuhi Peraturan 22 (1), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Pelantikan Anggota Jawatankuasa bagi sesi ini bermula pada tarikh 1 Julai 2019.

Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- i. Mohamad Saad bin Hj Md Lazim (7050) – Pengerusi.
- ii. Hj. Ismail bin Ahmad (2472) – Ahli.
- iii. Hj. Md Zin bin Hamzah (4457) – Ahli.
- iv. Hj. Ismail bin Ahmad (6532) – Ahli.
- v. Dr. Ismail bin Zakaria (7568) – Ahli.

Sejak pelantikan, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2019, iaitu bagi mematuhi peruntukan 52(5)(a) Undang-Undang Kecil Koperasi.

METHODOLOGI DAN SKOP AUDIT

3. Auditan adalah meliputi perkara-perkara tertentu bagi tempoh transaksi bulan Januari hingga Disember 2019. Semakan dibuat terhadap baucar-baucar, resit, penyata bank dan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh sistem komputer seperti lebar am dan sebagainya. Selain itu, semakan luar juga telah dijalankan di premis-premis tertentu, yang mana pegawai-pegawai yang bertugas di premis tersebut telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan yang diamalkan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan.

BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG DIAUDIT


4. Sepanjang tahun 2019, terdapat 8 bahagian/premis di bawah KPPKNK yang telah diaudit oleh JAD. Bahagian-bahagian tersebut adalah Bahagian Kredit, Ar-Rahnu Alor Setar, Ar-Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Petronas, Stesen Minyak Caltex, Stesen Minyak Shell, Koservis dan Stokis Gas Petron. Semasa menjalankan tugas pengauditan, pihak JAD telah mendapat kerjasama yang baik daripada semua Pengurus-Pengurus Bahagian dan kakitangan premis yang berkaitan (auditee).

PENEMUAN AUDIT

5. Laporan hasil penemuan audit yang dijalankan pada setiap bulan, telah dikemukakan kepada pihak Anggota Lembaga Koperasi untuk diteliti dan diambil perhatian. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pengurus-Pengurus Bahagian yang berkaitan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai sesuatu isu atau ketakakuran yang ditemui.
6. Semua maklumbalas yang diterima daripada Bahagian-Bahagian telah disemak semula oleh pihak JAD bagi mengenalpasti punca masalah dan menilai tahap kawalan yang dijalankan bagi memastikan kesilapan yang sama tidak berulang.

PENGHARGAAN

7. Jawatankuasa ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.Bhg Dato' Pengerusi, Anggota Lembaga Koperasi dan Pengurus-Pengurus Bahagian yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada Jawatankuasa ini bagi melaksanakan tugas pengauditan di Bahagian-Bahagian atau premis Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.



(MOHAMAD SAAD BIN HJ MD LAZIM)

PENGERUSI

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN,
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD.

11 Jun 2020.



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2020



PENDAHULUAN

1. Laporan Tahunan ini disediakan bagi memenuhi peraturan 14(1)(b) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

2. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dilantik mengikut Seksyen 42A (1) Akta Koperasi 1993 (Akta 502) untuk tempoh satu tahun bagi mematuhi Peraturan 22 (1), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Pelantikan Anggota Jawatankuasa bagi sesi ini bermula pada tarikh 1 Julai 2019.

Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- i. Mohamad Saad bin Hj Md Lazim (7050) – Pengerusi.
- ii. Hj. Ismail bin Ahmad (2472) – Ahli.
- iii. Hj. Md Zin bin Hamzah (4457) – Ahli.
- iv. Hj. Ismail bin Ahmad (6532) – Ahli.
- v. Dr. Ismail bin Zakaria (7568) – Ahli.

METHODOLOGI DAN SKOP AUDIT

3. Pengauditan dijalankan adalah meliputi perkara-perkara tertentu bagi tempoh transaksi bulan Januari hingga Disember 2020.

Semakan di pejabat telah dibuat terhadap baucar-baucar, resit, penyata bank dan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh sistem komputer seperti lejar am dan sebagainya.

Selain itu, semakan luar juga telah dibuat oleh JAD di premis-premis perniagaan. Namun begitu tugas ini agak terhad kerana tempoh pelaksanaan pelbagai peringkat PKP dan diikuti SOP yang ketat menyebabkan JAD hanya mengunjungi beberapa premis tertentu sahaja berdasarkan keperluan semasa.

BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG DIAUDIT

4. Sepanjang tahun 2020, terdapat 8 bahagian/premis di bawah KPPKNK yang telah diaudit oleh JAD. Bahagian-bahagian tersebut adalah Bahagian Kredit, Ar-Rahnu Alor Setar, Ar-Rahnu Guar Cempedak, Stesen Minyak Petronas, Stesen Minyak Caltex, Stesen Minyak Shell, Koservis dan Gas Petron (stokis). Sepanjang tempoh menjalankan tugas pengauditan akaun-akaun tersebut, pihak JAD tidak menghadapi masalah kerana laporan-laporan yang dikemukakan oleh setiap Bahagian adalah lengkap dan memenuhi keperluan audit.
5. Tugas pengauditan tahun ini berjalan seperti biasa meskipun prestasi perniagaan beberapa Bahagian telah terjejas khususnya semasa tempoh PKP (18.03.2020 - 28.04.2020) dan PKPB (29.04.2020 - 09.06.2020). Berikutan itu, pihak JAD mengambil keputusan untuk tidak menjalankan pengauditan penuh terhadap akaun-akaun Bahagian Kredit, Ar-Rahnu Alor Setar, Ar-Rahnu Guar Cempedak dan Koservis selama tiga (3) bulan iaitu Mac, April dan Mei 2020.



PENEMUAN AUDIT

6. Penemuan-penemuan audit yang dijalankan pada setiap bulan telah dikemukakan kepada pihak Lembaga Pengarah untuk diteliti dan diambil perhatian. Laporan berkenaan juga telah dipanjangkan kepada Pengurus Bahagian yang berkaitan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai sesuatu isu dan pemasalahan yang ditemui.
7. Semua maklumbalas yang diterima daripada Bahagian-bahagian telah disemak semula oleh pihak JAD bagi mengenalpasti punca masalah dan menilai tahap kawalan yang dijalankan bagi memastikan kesilapan yang sama tidak berulang.

PENGHARGAAN

8. Jawatankuasa ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg Dato' Pengerusi, Anggota Lembaga Koperasi dan Pengurus Bahagian yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada Jawatankuasa ini bagi melaksanakan tugas pengauditan disemua Bahagian di bawah Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.

(MOHAMAD SAAD BIN HJ MD LAZIM)
PENGERUSI
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN,
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD.

21 September 2021